

# Op Gading 2 dilancar 2 Mei ini

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 APRIL

Op Gading fasa dua yang akan dilaksanakan bermula 2 Mei sehingga 31 Julai ini bertujuan membasmi kegiatan penerokaan tanah secara haram dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATT) di Cameron Highlands secara habis-habisan.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemulihan Cameron Highlands yang diadakan hari ini susulan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi satu mesyuarat khas pada minggu lalu.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Seri Alias Ahmad berkata, operasi itu juga akan memberi tumpuan kepada kerjasama pemulihan alam semulajadi sebagai usaha mengembalikan semula keindahan pusat peranginan di tanah tinggi itu.

Beliau memberitahu, jawatankuasa turut mengesyorkan Jabatan Imigresen menyenarai hitam syarikat-syarikat asing yang terlibat dalam aktiviti pencerobohan tanah di Cameron Highlands daripada memasuki negara ini selamalamanya.

Setakat ini, jelasnya MKN bersama sembilan agensi yang terlibat



Nilai anggaran kos itu begitu besar sekali tetapi kerajaan yang terpaksa menanggung segala kerugian dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Namun kita akan kaji semula agar dapat dioptimumkan dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi sekarang.”

**ALIAS AHMAD**

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara

dalam operasi berkenaan menganggarkan kos pemulihan di Cameron Highlands secara keseluruhan bagi Op Gading fasa satu dan dua menelan belanja RM2.2 bilion.

“Nilai anggaran kos itu begitu besar sekali tetapi kerajaan yang terpaksa menanggung segala kerugian dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Namun kita akan kaji semula agar dapat dioptimumkan dan bersesuaian dengan keadaan ekonomi sekarang.

“Paling penting tindakan susulan secara berterusan akan dilaksanakan menerusi jawatankuasa ini. Penceroboh ini amat licik, jika pihak berkuasa terleka mereka akan menanam semula sayur-sa-



yuran kerana hanya dalam tempoh tiga bulan mereka sudah boleh dapat hasil yang lumayan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemulihan Cameron Highlands di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Alias berkata, MKN menyasarkan program pemulihan dan kawalan di tanah tinggi itu dijayakan melalui gerak kerja enam agensi utama iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia serta Jabatan Kerja

Raya (JKR).

Beliau seterusnya memberitahu, menerusi Op Gading pertama yang dijalankan sepanjang Disember 2014 sehingga Disember 2015, MKN telah memusnahkan tanah haram seluas 2,258 hektar atau 83 peratus daripada jumlah keseluruhan dan membuka sebanyak 98 kertas siasatan terhadap petani haram.

“Kini MKN sedang menyiasat baki tanah haram yang diceroboh iaitu seluas 392 hektar sama ada tanah itu berlaku pencerobohan atau milikan individu,” katanya.

Menurut beliau, dalam mengendalikan isu pencerobohan itu, pindaan akta Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang baharu banyak membantu pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap peneroka-peneroka haram.

“Kini tindakan boleh diambil tanpa mengira saiz keluasan tanah, sebelum ini untuk mengenakan tindakan, keluasan tanah itu mestilah sehingga 20 hektar,” katanya.

Katanya, mesyuarat hari ini turut bersetuju untuk mengambil tindakan ke atas penceroboh-penceroboh rizab sungai dan rizab jalan JKR di Cameron Highlands.

Pihak JKR dan JPS jelas beliau, akan menyediakan maklumat serta data kepada MKN mengenai lokasi, tempat atau objek-objek yang digunakan untuk menceroboh kawasan-kawasan rizab itu.


## INFO

Kerja-kerja pemulihan berdasarkan 3 peringkat waktu:-

\* 2 hingga 31 Mei

\* 1 hingga 30 Jun

\* 1 hingga 31 Julai



30%

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia - Aktiviti tanam semula pokok



35%

Jabatan Alam Sekitar - Pencegahan pencerobohan oleh penguat kuasa



45%

Tenaga Nasional Berhad - Kerja pembersihan sungai dan mendapan empangan



25%

Jabatan Pengairan dan Saliran - Kerja pembersihan sungai dan mendapan empangan



30%

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia - Kerja membaiki cerun



50%

Jabatan Kerja Raya - Kerja-kerja pembersihan